AL-AZKIYAA
INTERNATIONAL JOURNAL OF LANGUAGE AND EDUCATION
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Hubungan antara Sahsiah Guru dan Kompetensi Pengajaran dalam Kalangan Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah di Malaysia

The Relationship Between Teachers' Personality and Teaching Competency Among Arabic Language Teachers in Malaysian Secondary Schools

Muhmammad Shukri Abdul Halim[1], Zarima Mohd Zakaria[1,*], Muhammad Faris Suhaimi[1]

[1]Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding Author; E-mail: zarima@fbk.upsi.edu.my

Article Info

Article history:
Received: 18/10/2025
Accepted: 18/08/2026
Published: 30/10/2026

DOI: https://doi.org/10.33102/alazkiyaa180

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara sahsiah guru dan kompetensi pengajaran dalam kalangan guru Bahasa Arab sekolah di Malaysia. Pendekatan kuantitatif digunakan dengan reka bentuk kajian tinjauan korelasi yang melibatkan 125 orang guru Bahasa Arab di beberapa buah sekolah menengah di Malaysia. Data dikumpul melalui soal selidik berstruktur yang mengukur dua pemboleh ubah utama iaitu sahsiah guru Bahasa Arab dan kompetensi pengajaran Bahasa Arab. Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa pemboleh ubah Sahsiah Guru berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.41 (SP = 0.535), manakala pemboleh ubah Kompetensi Pengajaran berada pada tahap tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.11 (SP = 0.578), berdasarkan interpretasi skor min skala Likert lima mata. Sementara itu, analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana dan sangat signifikan antara sahsiah guru Bahasa Arab dan kompetensi pengajaran Bahasa Arab ($r = 0.661$, $p < 0.001$). Dapatan ini mengesahkan bahawa sahsiah guru memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada keberkesanan pengajaran Bahasa Arab. Implikasi kajian ini menekankan keperluan untuk mengintegrasikan pembangunan sahsiah dalam latihan profesional guru sebagai usaha meningkatkan mutu pendidikan Bahasa Arab di sekolah.

Kata Kunci: Guru Bahasa Arab, sahsiah guru, kompetensi pengajaran, korelasi, pembangunan profesional

© The Authors 2026. Published by Penerbit USIM. This is an open access article under the CC BY 4.0 license.

ABSTRACT
This study sought to establish the correlation between the teacher personality and the teaching competence amongst the Arabic language educators in the Malaysian schools. Quantitative method was taken wherein a correlational survey design was applied on 125 Arabic language teachers. Data were collected through a structured questionnaire measuring two main variables, namely Arabic language teacher personality and Arabic language teaching competence. The descriptive analysis showed that Teacher Personality was at a very high level, with an overall mean score of 4.41 (SD = 0.535), while Teaching Competence was at a high level, with an overall mean score of 4.11 (SD = 0.578), based on the interpretation of mean scores on a five-point Likert scale. Meanwhile, Pearson correlation analysis revealed a moderate and highly significant relationship between Arabic language teacher personality and Arabic language teaching competence ($r = 0.661$, $p < 0.001$). These results establish the confirmation that the personality of teachers has a major role in the contribution of the successfulness of the Arabic language teaching. This research has implications to ensure that personnel development of personality is incorporated as a section of the teaching career training under the global efforts to improve the quality of teaching and learning of the Arabic language in schools in the country.

Keywords: *Arabic language teachers, teacher personality, teaching competence, correlation, professional development*

PENGENALAN
Dalam dunia pendidikan masa kini, kualiti guru menjadi faktor penentu kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Peranan guru bukan sahaja terhad kepada penyampaian ilmu, malah melibatkan pembentukan sahsiah pelajar melalui teladan yang ditunjukkan dalam tingkah laku dan komunikasi. Di samping menerapkan pemantapan jasmani, emosi, rohani dan intelek dalam kalangan pelajar, guru juga berperanan membentuk sahsiah terpuji serta memperkasa nilai-nilai murni demi melahirkan insan seimbang dan holistik. Mempunyai sahsiah yang baik adalah penting untuk membentuk peribadi seseorang dalam berinteraksi dan bertindak profesional dalam pelbagai situasi (Mokhtar & Zulkifli, 2024). Dengan menerapkan nilai-nilai positif ke arah pembangunan insan yang seimbang dari segi akademik dan akhlak, secara tidak langsung berpotensi melahirkan pelajar yang mempunyai sahsiah yang mulia (Abdullah et al., 2018).

Dalam konteks pendidikan Bahasa Arab, peranan ini menjadi lebih signifikan kerana bahasa tersebut bukan sekadar alat komunikasi, bahkan sebagai khazanah Islam yang luas serta menjadi kunci kepada pemahaman ajaran Islam. Oleh itu, guru Bahasa Arab perlu memiliki bukan sahaja penguasaan ilmu dan pedagogi, tetapi juga keperibadian yang mulia dan sahsiah yang terpuji. Perwatakan guru yang berintegriti

dan bersahsiah tinggi akan memberi impak yang mendalam terhadap pembentukan nilai dan jati diri pelajar. Hal ini sejajar dengan matlamat pendidikan Islam yang menekankan keseimbangan antara ilmu dan amal serta pencapaian akademik dan pembentukan akhlak.

Sahsiah guru merangkumi aspek akhlak, disiplin dan keberagamaan yang menjadi cerminan kepada ajaran Islam itu sendiri. Dalam hal ini, elemen hubungan interpersonal seperti kasih sayang turut menjadi asas penting dalam pembentukan akhlak pelajar. Sifat penyayang yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada insan, merupakan anugerah yang mendasari pembentukan sahsiah dan perkembangan nilai murni dalam diri sesorang (Ismail & Mansor, 2021). Guru yang tinggi sahsiahnya mampu memberi kesan mendalam kepada jiwa pelajar, membentuk persekitaran pembelajaran yang positif serta menanam nilai murni dalam diri mereka. Selain aspek sahsiah, keupayaan guru juga diukur melalui tahap kompetensi pengajarannya yang menjadi pelengkap kepada keberkesanan pendidikan. Kompetensi pengajaran merangkumi kecekapan guru dalam merancang, melaksana dan menilai pengajaran secara berkesan. Ia termasuk penguasaan isi kandungan, penggunaan strategi pengajaran yang sesuai serta kebolehan mengendalikan komunikasi dalam bahasa Arab dengan berkesan.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi meneliti hubungan antara sahsiah guru dan kompetensi pengajaran dalam kalangan guru Bahasa Arab di sekolah. Pemilihan fokus kajian ini adalah berasaskan kepercayaan bahawa keperibadian guru bukan sahaja mempengaruhi aspek moral dan rohani pelajar, malah mampu mempengaruhi sejauh mana keberkesanan guru dalam melaksanakan tugas profesionalnya iaitu melibatkan kompetensi mereka dalam mengajar. Pemahaman yang mendalam tentang kajian ini diharap dapat memberi implikasi terhadap latihan perguruan, pembangunan profesional guru serta penambahbaikan dasar pendidikan, khususnya Bahasa Arab di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Peranan guru dalam sistem pendidikan bukan hanya terhad kepada penyampaian ilmu pengetahuan, tetapi turut merangkumi pembentukan sahsiah dan pembangunan potensi insan secara holistik. Dalam konteks pengajaran Bahasa Arab di sekolah, guru memainkan peranan yang sangat penting bukan sahaja sebagai pendidik bahasa, tetapi juga sebagai model akhlak, budaya dan keperibadian Islam yang unggul. Oleh itu, keperibadian atau sahsiah guru, serta tahap kompetensi pengajarannya, menjadi aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam memastikan keberkesanan proses pembelajaran.

Sahsiah guru sering dikaitkan dengan nilai-nilai dalaman yang mempengaruhi cara guru berinteraksi, membuat keputusan dan melaksanakan tanggungjawab

profesional. Nilai seperti amanah, ikhlas, sabar, tawadhu', adil dan istiqamah adalah antara ciri utama yang ditekankan dalam konsep sahsiah menurut perspektif pendidikan Islam. Sahsiah bukan sekadar berakhlak baik secara peribadi, tetapi turut merangkumi adab berpakaian, cara berkomunikasi, pengurusan emosi, serta hubungan dengan pelajar dan masyarakat. Kajian oleh Indana dan Roifah (2021) menunjukkan bahawa pelajar lebih menghormati dan menuruti guru yang menunjukkan contoh akhlak mulia berbanding guru yang hanya mahir dalam penyampaian kandungan. Sementara itu, Hadziq et al. (2024) dalam kajiannya mengetengahkan bahawa guru yang memiliki sahsiah dan perwatakan yang baik mampu mempengaruhi atitud pelajar dalam menerapkan nilai empati, kejujuran, kebaikan dan disiplin di samping mewujudkan persekitaran pembelajaran positif.

Dalam konteks guru Bahasa Arab, sahsiah memainkan peranan yang lebih besar kerana mereka bukan sahaja menyampaikan ilmu bahasa, tetapi juga berfungsi sebagai duta kepada nilai-nilai Islam yang terkandung dalam bahasa tersebut. Bahasa Arab adalah bahasa wahyu, bahasa al-Quran dan hadis, serta bahasa ibadah yang digunakan dalam solat dan doa. Justeru, pelajar sering menilai kredibiliti dan keaslian guru Bahasa Arab berdasarkan cara mereka membawa diri, bertutur, serta kesesuaian antara ajaran yang disampaikan dengan tingkah laku yang ditunjukkan. Awad (2023) menegaskan bahawa pentinganya peribadi yang unggul dan baik dalam diri seorang guru Bahasa Arab yang merangkumi nilai kesabaran, kebaikan dan integeriti yang mana ianya berfungsi sebagai teladan buat para pelajar, sekali gus memupuk persekitaran pendidikan yang positif, berdasarkan ajaran kenabian. Ini menunjukkan bahawa sahsiah guru Bahasa Arab bukan sahaja mencerminkan nilai diri, tetapi turut memperkukuh pemahaman pelajar terhadap ajaran Islam melalui akhlak dan keperibadian yang selari dengan ilmu yang disampaikan.

Selain sahsiah, kompetensi pengajaran juga merupakan faktor utama yang menentukan keberkesanan guru. Kompetensi pengajaran lazimnya merangkumi pengetahuan isi kandungan dan kemahiran pedagogi. Ia turut melibatkan penggunaan strategi pengajaran yang sesuai, kecekapan berkomunikasi dalam bahasa Arab, serta keupayaan menilai pembelajaran pelajar. Guru yang kompeten dapat menyampaikan isi pelajaran dengan jelas, menggalakkan interaksi pelajar secara aktif dan memastikan objektif pembelajaran dicapai dengan baik. Kajian oleh Alsubhi et al. (2023) menegaskan bahawa kompetensi guru Bahasa Arab yang tinggi memainkan peranan besar dalam menentukan tahap kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap bahasa tersebut, terutamanya apabila kaedah pengajaran bersifat interaktif dan komunikatif.

Beberapa kajian lain turut menunjukkan bahawa guru yang menguasai pendekatan berpusatkan pelajar, menggunakan teknologi terkini, serta membina bahan bantu mengajar yang sesuai mampu meningkatkan motivasi pelajar untuk menguasai Bahasa Arab. Dalam kajian oleh Abdulhafid et al. (2024), didapati bahawa

pelajar yang mengambil bahagian dalam pembelajaran interaktif seperti aktiviti bermain peranan dalam Bahasa Arab menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kecekapan bertutur dalam bahasa tersebut. Selain itu, kajian oleh Azhar et al. (2022), menjelaskan bahawa interaksi bilik darjah yang aktif dalam bahasa Arab, disokong oleh penguasaan perbendaharaan kata dan pemahaman tatabahasa, dengan ketara menyumbang kepada kesediaan pelajar untuk bertutur dalam bahasa tersebut. Ini membuktikan bahawa kecekapan linguistik guru memainkan peranan langsung dalam membentuk iklim pembelajaran yang merangsang penguasaan bahasa.

Terdapat juga dapatan penyelidikan yang menunjukkan hubungan erat antara sahsiah guru dan tahap kompetensi mereka. Guru yang memiliki keperibadian mulia lazimnya menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi, lebih terbuka untuk meningkatkan kemahiran diri, serta lebih komited dalam menjalankan tugas. Çetin et al. (2020) menyatakan bahawa nilai-nilai dalaman seperti kejujuran, kesabaran dan tanggungjawab memberi impak langsung terhadap kesediaan guru untuk merancang dan melaksanakan pengajaran secara sistematik dan berkesan. Dalam pada itu, terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa guru yang mengintegrasikan prinsip pengurusan berasaskan nilai Islam menunjukkan pengurusan bilik darjah yang lebih cemerlang serta mampu menyesuaikan pendekatan pengajaran dengan lebih berkesan (Rahman & Smith, 2024). Ini menunjukkan bahawa sahsiah bukan sekadar elemen pelengkap, tetapi menjadi asas kepada pembinaan kompetensi yang mantap.

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian yang dijalankan setakat ini masih meneliti sahsiah dan kompetensi guru secara terpisah. Kajian-kajian yang menghubungkan secara langsung antara tahap sahsiah guru dan kompetensi pengajaran masih agak terhad, terutamanya dalam konteks guru Bahasa Arab di sekolah. Tambahan pula, fokus kajian terdahulu lebih banyak tertumpu kepada guru di sekolah agama atau institusi pengajian tinggi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti secara khusus hubungan antara sahsiah dan kompetensi pengajaran dalam kalangan guru Bahasa Arab sekolah, dengan harapan dapat mengisi jurang dalam literatur sedia ada serta memberi implikasi praktikal terhadap latihan dan pembangunan profesional guru Bahasa Arab di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian lapangan secara tinjauan berbentuk korelasi. Kajian melibatkani beberapa buah sekolah di Malaysia yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Arab di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Reka bentuk ini dipilih bagi membolehkan penyelidik mendapatkan data sebenar daripada situasi pendidikan yang berlaku di lapangan secara langsung. Seramai 125 orang guru Bahasa Arab telah dipilih sebagai responden melalui kaedah persampelan snowball (rantaian bola salji). Kaedah ini digunakan bagi membolehkan responden yang dikenal pasti mencadangkan rakan sekerja lain yang

sesuai untuk menyertai kajian ini. Meskipun begitu, dapatan kajian ini adalah bersifat penerokaan semata-mata tanpa digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi guru Bahasa Arab secara menyeluruh, khususnya di sekolah dengan jenis atau latar belakang yang lebih spesifik. Instrumen kajian berupa soal selidik berstruktur yang dibina berdasarkan konstruk yang telah dikenal pasti, iaitu Sahsiah Guru dan Kompetensi Pengajaran. Item-item soal selidik telah diadaptasi dan disesuaikan daripada kajian terdahulu, khususnya Sen Yaman (2022) dan Ilmiani et al. (2023), serta disemak oleh pakar dalam bidang bagi memastikan kesesuaian dan kejelasan item dengan konstruk yang dikaji. Dari aspek reliabiliti, analisis konsistensi dalaman menggunakan pekali Cronbach's Alpha menunjukkan bahawa konstruk Sahsiah Guru yang mengandungi 10 item memperoleh nilai $\alpha = 0.949$, manakala konstruk Kompetensi Pengajaran yang mengandungi 12 item memperoleh nilai $\alpha = 0.918$. Kedua-dua nilai tersebut menunjukkan tahap konsistensi dalaman yang sangat baik dan seterusnya menyokong kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Soal selidik ini menggunakan skala Likert lima mata yang merangkumi beberapa dimensi bagi kedua-dua konstruk. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27. Analisis deskriptif digunakan bagi menentukan tahap sahsiah dan kompetensi guru, manakala analisis korelasi Pearson dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Sahsiah Guru Bahasa Arab

Tahap sahsiah guru Bahasa Arab diukur berdasarkan skor min yang telah dianalisis menggunakan skala interpretasi yang dibina khas oleh pengkaji sendiri. Skala tersebut memperincikan lima tahap pengukuran bermula daripada *Sangat Rendah* sehingga *Sangat Tinggi* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 hingga 1.80	Sangat Rendah
1.81 hingga 2.60	Rendah
2.61 hingga 3.40	Sederhana
3.41 hingga 4.20	Tinggi
4.21 hingga 5.00	Sangat Tinggi

Berpandukan skala tersebut, Jadual 2 memperlihatkan analisis deskriptif terhadap sepuluh item berkaitan sahsiah guru Bahasa Arab. Setiap item dinilai berdasarkan skor min dan sisihan piawai yang menunjukkan tahap keseragaman respons dalam kalangan responden.

Jadual 2. Analisis Deskriptif bagi Sahsiah Guru Bahasa Arab

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1. Saya sabar apabila pelajar mengambil masa untuk memahami isi pelajaran.	4.43	0.614	Sangat Tinggi
2. Saya tidak mudah berputus asa dalam menghadapi pelajar yang lemah.	4.42	0.625	Sangat Tinggi
3. Saya sentiasa menjaga adab dan bahasa semasa berinteraksi dengan pelajar.	4.36	0.653	Sangat Tinggi
4. Saya mengamalkan nilai murni dalam kehidupan harian di sekolah.	4.39	0.646	Sangat Tinggi
5. Saya berusaha memahami masalah pelajar dari sudut pandangan mereka.	4.40	0.635	Sangat Tinggi
6. Saya bersikap penyayang terhadap semua pelajar.	4.39	0.659	Sangat Tinggi
7. Saya menerima teguran dan cadangan dengan hati terbuka.	4.42	0.650	Sangat Tinggi
8. Saya sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan kecekapan diri.	4.50	0.604	Sangat Tinggi
9. Saya yakin dengan kebolehan saya sebagai guru Bahasa Arab.	4.35	0.710	Sangat Tinggi
10. Saya menyuntik semangat dan harapan kepada pelajar agar mereka bermotivasi.	4.46	.654	Sangat Tinggi
Keseluruhan	4.41	0.535	Sangat Tinggi

Dapatan analisis menunjukkan bahawa semua item berkaitan sahsiah guru mencatatkan skor min dalam kategori Sangat Tinggi, dengan purata keseluruhan 4.41. Ini menandakan bahawa guru Bahasa Arab dalam kajian ini menunjukkan tahap sahsiah yang amat kukuh dan konsisten, terutamanya dalam aspek kesabaran, ketabahan menghadapi pelajar yang lemah, pengamalan nilai murni, serta usaha berterusan untuk meningkatkan kecekapan diri.

Selain itu, nilai sisihan piawai yang rendah hingga sederhana, iaitu dalam lingkungan 0.53 hingga 0.71, menunjukkan tahap keselarasan pendapat yang tinggi dalam kalangan responden. Ini bermakna, persepsi positif mengenai sahsiah guru

bukanlah pandangan individu yang bersendirian, tetapi sesuatu yang dikongsi secara meluas oleh para guru yang terlibat dalam kajian. Keseragaman ini memperkukuh kebolehpercayaan hasil kajian dan memberi gambaran bahawa aspek sahsiah adalah nilai bersama yang diamalkan secara konsisten dalam konteks pengajaran Bahasa Arab.

Skor tinggi ini mencerminkan ciri-ciri guru yang bertanggungjawab dan beretika, yang mana amat penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif serta menyokong kejayaan pelajar. Sikap positif seperti kesabaran, keterbukaan menerima teguran, dan keinginan untuk sentiasa memperbaiki diri bukan sahaja mempertingkatkan mutu pengajaran, malah turut memupuk hubungan yang harmoni dan saling menghormati antara guru dan pelajar.

Secara keseluruhannya, tahap sahsiah guru Bahasa Arab yang sangat tinggi ini memberikan gambaran yang positif tentang peranan guru dalam memperkasakan proses pembelajaran Bahasa Arab. Ia juga mengukuhkan keberkesanan pengajaran di institusi pengajian dan menegaskan bahawa pembangunan aspek sahsiah guru perlu menjadi fokus utama dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan Bahasa Arab.

Kompetensi Pengajaran Bahasa Arab

Tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Arab dinilai berdasarkan skor min yang dianalisis menggunakan skala interpretasi yang sama seperti yan dipaparkan dalam Jadual 1. Bagi memperlihatkan analisis deskriptif untuk 12 item yang mengkaji tahap kompetensi pengajaran Bahasa Arab, Jadual 3 di bawah menunjukkan nilai min, sisihan piawai serta interpretasi skor min bagi setiap item yang dikaji.

Jadual 3. Analisis Deskriptif bagi Kompetensi Pengajaran Bahasa Arab

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1. Saya menguasai kandungan pelajaran Bahasa Arab dengan mendalam.	4.03	0.740	Tinggi
2. Saya memahami struktur ilmu yang mendasari topik Bahasa Arab yang diajar.	4.14	0.755	Tinggi
3. Saya merancang pengajaran berdasarkan tahap keupayaan pelajar.	4.30	0.648	Tinggi
4. Saya menggunakan pelbagai kaedah untuk menarik minat pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab.	4.31	0.712	Sangat Tinggi

5. Saya menilai semula keberkesanan pengajaran selepas setiap sesi.	4.18	0.766	Tinggi
6. Saya membuat perubahan pengajaran berdasarkan refleksi kendiri dan maklum balas pelajar.	4.22	0.706	Sangat Tinggi
7. Saya menggunakan platform digital atau media interaktif dalam pengajaran Bahasa Arab.	3.97	0.879	Tinggi
8. Saya merekod pengajaran untuk dianalisis semula keberkesanannya.	3.82	0.942	Tinggi
9. Saya memastikan persekitaran bilik darjah kondusif untuk pembelajaran Bahasa Arab.	4.25	0.726	Sangat Tinggi
10. Saya mengenal pasti dan menangani keperluan pembelajaran pelajar dengan efektif.	4.23	0.686	Sangat Tinggi
11. Saya menyertai latihan/kursus berkaitan pengajaran Bahasa Arab secara berkala.	3.68	1.097	Tinggi
12. Saya sentiasa mencari bahan bacaan atau sumber baharu untuk menambah pengetahuan.	4.22	0.779	Sangat Tinggi
Keseluruhan	4.11	0.578	Tinggi

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti aspek kompetensi pengajaran memperoleh skor min dalam julat Tinggi dan Sangat Tinggi, dengan purata keseluruhan 4.11. Ini menggambarkan bahawa guru Bahasa Arab yang terlibat memiliki tahap penguasaan dan kebolehan yang mantap dalam pelbagai dimensi pengajaran, termasuk penguasaan kandungan, perancangan pengajaran yang berkesan, serta penggunaan pelbagai teknik dan bahan bantu mengajar.

Item ke-4, ke-3 dan ke-9, yang menekankan penerapan pelbagai kaedah pengajaran, persekitaran bilik darjah yang kondusif, serta perancangan pengajaran berdasarkan tahap keupayaan pelajar dalam pengajaran guru, telah mencatatkan skor min tertinggi masing-masing pada 4.31, 4.30 dan 4.25. Ini menunjukkan bahawa guru

bukan sahaja menumpukan perhatian kepada penyampaian kandungan, malah sangat menitikberatkan strategi pengajaran yang berkesan serta suasana pembelajaran yang menyokong kejayaan pelajar secara menyeluruh.

Nilai sisihan piawai yang dicatatkan, iaitu antara 0.58 hingga 1.10, menandakan keseragaman yang baik dalam pandangan responden secara umum. Walaupun begitu, terdapat sedikit variasi dalam beberapa aspek seperti di item ke-11 yang menekankan penyertaan latihan berkala, mencapai sisihan piawai yang tinggi iaitu 1.097, yang mungkin menunjukkan perbezaan dalam tahap kekerapan dan peluang mengikuti program latihan profesional di kalangan guru.

Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Arab yang tinggi, membuktikan keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas pengajaran dengan berkesan serta menyesuaikan strategi mengikut keperluan pelajar. Kecekapan ini amat penting dalam memastikan proses pembelajaran berjalan lancar dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran pendidikan masa kini.

Hubungan antara Sahsiah Guru Bahasa Arab dengan Kompetensi Pengajaran Bahasa Arab

Analisis korelasi Pearson dijalankan untuk mengkaji hubungan antara sahsiah guru Bahasa Arab dengan kompetensi pengajaran mereka. Dalam analisis ini, nilai pekali korelasi (r) dan nilai signifikansi (p) memainkan peranan penting dalam menentukan kekuatan serta tahap signifikan hubungan yang wujud antara kedua-dua pemboleh ubah dalam kajian ini. Bagi interpretasi nilai pekali korelasi, pengkaji merujuk kepada panduan yang dikemukakan oleh Yan Piaw Chua (2012). Manakala, interpretasi nilai signifikansi (p) pula adalah berdasarkan Padam Singh (2013). Jadual 4 dan Jadual 5 adalah perincian panduan yang digunakan dalam mentafsir kekuatan hubungan serta tahap signifikan yang diperoleh dalam analisis korelasi ini.

Jadual 4. Interpretasi Pekali Korelasi (r)

Nilai Pekali Korelasi (r)	**Interpretasi**
0.00	Tiada Korelasi
0.01 hingga 0.30 atau -0.01 hingga -0.30	Sangat Lemah
0.31 hingga 0.50 atau -0.31 hingga -0.50	Lemah
0.51 hingga 0.70 atau -0.51 hingga -0.70	Sederhana
0.71 hingga 0.90 atau -0.71 hingga -0.90	Kuat

Jadual 5. Interpretasi Nilai Signifikan (p)

Nilai Signifikan (p)	**Interpretasi**
$p > 0.05$	Tidak Signifikan
$p \leq 0.05$	Signifikan

$p \leq 0.01$	Signifikan Tinggi
$p \leq 0.001$	Sangat Signifikan

Berdasarkan garis panduan interpretasi nilai pekali korelasi dan nilai signifikansi yang ditunjukkan dalam Jadual 4 dan Jadual 5, hubungan antara dua pemboleh ubah dapat dikenal pasti dari segi kekuatan serta tahap signifikannya. Ini memberikan asas yang jelas untuk mentafsir hasil korelasi yang diperoleh dalam kajian ini. Oleh itu, Jadual 6 membentangkan keputusan analisis korelasi Pearson yang dijalankan bagi menentukan hubungan antara sahsiah guru Bahasa Arab dengan kompetensi pengajaran mereka.

Jadual 6. Analisis Korelasi antara Sahsiah Guru Bahasa Arab dengan Kompetensi Pengajaran Bahasa Arab

Nilai Pekali Korelasi (r)	**Nilai Signifikan (p)**	**Interpretasi**
0.661**	< 0.001	Sederhana dan Sangat Signifikan

Berdasarkan Jadual 6, didapati terdapat hubungan yang sederhana dan positif antara sahsiah guru Bahasa Arab dengan kompetensi pengajaran mereka, dengan nilai pekali korelasi (r) sebanyak 0.661. Nilai signifikan yang diperoleh pula adalah kurang daripada 0.001 ($p < 0.001$), sekali gus menunjukkan bahawa hubungan tersebut adalah sangat signifikan dari segi statistik. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap sahsiah seseorang guru, semakin tinggi juga tahap kompetensi pengajarannya.

Keputusan ini secara jelas membuktikan bahawa peningkatan dalam aspek sahsiah guru memberi kesan langsung terhadap peningkatan kompetensi pengajaran Bahasa Arab. Guru yang memiliki nilai-nilai sahsiah terpuji seperti kesabaran, tanggungjawab, jujur, dan adil, cenderung untuk lebih bersungguh dalam merancang, melaksana dan menilai proses pengajaran. Di samping itu, guru yang peka terhadap keperluan pelajar dan mampu menyesuaikan strategi pengajaran dengan situasi bilik darjah secara profesional berpotensi untuk menyampaikan pengajaran yang lebih berkesan dan bermakna kepada pelajar.

Penemuan ini boleh dikaitkan dengan Teori Humanistik oleh Carl Rogers, yang menekankan bahawa keberkesanan guru bukan sahaja terletak pada kemahiran kognitif, tetapi juga pada ciri-ciri peribadi seperti empati, kejujuran dan penerimaan tanpa syarat terhadap pelajar. Berdasarkan teori ini, persekitaran pembelajaran yang kondusif terbina apabila guru menunjukkan sikap positif, menjadi pendengar aktif buat pelajar dan menghargai mereka sebagai individu yang unik (Habsy et al., 2023). Dalam konteks ini, sahsiah guru berperanan sebagai pemangkin kepada hubungan guru-pelajar yang positif, yang seterusnya menyokong keberkesanan pengajaran. Penereapan nilai sahsiah yang baik ini, secara tidak langsung membina kepercayaan dalam kalangan pelajar, sekali gus mendorong pelajar untuk lebih terbuka, bersemangat dan yakin dalam proses pembelajaran.

Kesimpulannya, dapatan ini mengukuhkan kepentingan pembangunan sahsiah sebagai sebahagian daripada pembangunan profesionalisme guru, khususnya dalam pengajaran Bahasa Arab. Hubungan yang signifikan antara sahsiah dan kompetensi pengajaran ini menekankan bahawa usaha meningkatkan mutu pendidikan tidak seharusnya hanya tertumpu pada latihan pedagogi semata-mata, tetapi perlu juga merangkumi aspek pembinaan karakter dan penerapan nilai-niali murni dalam diri sebagai seorang pendidik.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sahsiah guru dengan tahap kompetensi pengajaran dalam kalangan guru Bahasa Arab sekolah menengah. Guru yang memiliki sahsiah terpuji cenderung untuk menunjukkan tahap profesionalisme pengajaran yang lebih tinggi, termasuk kecekapan dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran. Dapatan ini bukan sahaja menegaskan peranan nilai-nilai keperibadian dalam pengajaran Bahasa Arab, malah memperkukuh hujah bahawa pembangunan sahsiah guru perlu diberi penekanan yang sama penting seperti latihan pedagogi dalam latihan guru. Oleh itu, pihak berkepentingan seperti institusi pendidikan guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia disarankan untuk mengintegrasikan elemen pembangunan sahsiah dalam modul latihan dan pembangunan profesional berterusan bagi guru Bahasa Arab. Pendekatan yang menyeluruh ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, sekali gus membina generasi pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bahasa, tetapi juga menyemai akhlak peribadi yang mulia.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak disokong oleh sebarang geran daripada badan pembiayaan dalam sektor awam, swasta atau bukan berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENULIS

Semua penulis memberikan sumbangan yang sama dalam pengkonsepsian, penulisan dan kelulusan akhir manuskrip.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan dalam penulisan dan penerbitan artikel ini.

KENYATAAN ETIKA

Tiada penggunaan alat kecerdasan buatan digunakan dalam penulisan mahupun jadual. Penulisan dihasilkan memenuhi integriti akademik dan etika penerbitan yang menepati piawaian.

RUJUKAN

Abdulhafid, S., Aboubakr, K., Mustapha, N. F., Hassan, A. R., & Ismail, M. Z. Improvement of Arabic Speaking Skills among Non-Arabic Students through Role-Play Activities. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 13*(1), 2299-2313. https://doi.org/10.6007/ijarped/v13-i1/20760

Abdullah, N. A., Embong, R., & Yaacob, A. (2018). Pembinaan modul pemantapan sahsiah ulul albab bagi pelajar Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 1*(1), 8-20.

Alsubhi, A., Bin Mohamed Adnan, M. A., Yusof, A., Awae, F., & Abuhassna, H. (2023). Unlocking the Future of Arabic languages teaching: Exploring Communicative Language Teaching Methodology. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences 13*(10), 1483-1506. https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i10/19015

Awad , K. (2023). Hadiths on the Ethics of the Teacher in the Prophetic Sunnah (Objective Study). *Islamic Sciences Journal*, *14*(1), 1–19. https://doi.org/10.25130/jis.23.14.1.2.1

Azhar, M. F., Wahyudi, H., & Promadi, P. (2022). Arabic Language Learning with Communicative Method and Factors Affecting Student's Speaking Ability. *Takuana Jurnal Pendidikan Sains Dan Humaniora*, *1*(2), 92–101. https://doi.org/10.56113/takuana.v1i2.33

Çetin, F., Bingöl, A. S., & Çetin, S. (2020). Developing a "Values Teaching Responsibility Perception Scale" for Prospective Teachers. *International Journal of Curriculum and Instruction*, *12*(2), 457-473. https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1271193.pdf

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas statistik penyelidikan*. McGraw-Hill Education.

Evans, J. D. (1996). *Straightforward statistics for the behavioral sciences*. Brooks/Cole Publishing.

Habsy, B. A., Oktafiani, F., Salsabila, D. M., & Zahro, C. I. (2023). Teori Humanistik dalam Proses Pembelajaran. *Jurnal Teknologi Pendidikan*. https://doi.org/10.47134/jtp.v1i2.162

Hadziq, A., Zuhdi, A., & Linnaja, N. (2024). Etika Guru Menurut Imam Ibnu Jama'ah As-Syafi'i Dalam Kitab Tadzkirotus Sami Wal Mutakallimi Fi Adabil Alim Wal Muta'alim. *Mutiara: Jurnal Penelitian Dan Karya Ilmiah*, *2*(4), 10–19. https://doi.org/10.59059/mutiara.v2i4.1388

Ilmiani, A. M., Marsiah, M., Nuryaman, A. D., & Salim, O. (2023). Arabic Teachers: Professional Competence and Reflective Teaching. *Jurnal Al-Maqayis, 10*(2). https://doi.org/10.18592/jams.v10i2.8820

Indana, N., & Roifah, R. (2021). Kompetensi Kepribadian Guru Dalam Pembinaan Akhlak Siswa: (Studi Kasus di MTs Al-Ma'arif Brudu Sumobito Jombang). *Ilmuna: Jurnal Studi Pendidikan Agama Islam. 3*(1), 46–65. https://doi.org/10.54437/ILMUNA.V3I1.250

Mansor, S. N. (2021). Teknik Komunikasi Ibu dalam Pembentukan Sahsiah Anak-anak Menurut Islam [Maternal Communication Techniques in the Formation of Children's Personality According to Islam]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 4*(3), 131-144.

Mokhtar, M. A., & Zulkifli, H. (2024). Pemantapan Sahsiah Murid Generasi Baru Menerusi Modul Usrah [Strengthening The Course of New Generation Students Through The Usrah Module]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 7*(3), 52-65.

Rahman, S. F. B. A., & Smith, J. (2024). The Impact of Islamic Values-Based Management on Educational Quality in Islamic Schools. *JMPI: Jurnal Manajemen, Pendidikan Dan Pemikiran Islam*, *2*(2), 89–100. https://doi.org/10.71305/jmpi.v2i2.83

Sen Yaman, G. (2022). Arabic Teacher Candidates' Perceptions of the" Ideal Arabic Teacher". *Education Quarterly Reviews, 5*(1), 385-394. https://doi.org/10.31014/aior.1993.05.01.449

Singh, P. (2013). P value, statistical significance and clinical significance. *Journal of Clinical and Preventive Cardiology, 2*(4), 202-204. https://www.jcpcarchives.org/full/p-value-statistical-significance-and-clinical-significance-121.php